


**SULIT**



**PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>INTRODUCTION TO ISLAMIC BUSINESS</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PBS2143</b>
<b>TEMPOH</b>	<b>:</b>	<b>02 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :  
: BAHAGIAN A (18 soalan)  
: BAHAGIAN B (06 soalan)  
: BAHAGIAN C (04 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A , BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C  
i. Jawab BAHAGIAN A dalam Kertas Jawapan Objektif (OMR).  
ii. Jawab BAHAGIAN B dan C dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi:
  - i. Kertas peperiksaan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Kertas soalan ini TIDAK DIBENARKAN dibawa keluar dari dewan peperiksaan.
6. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

**NO. MYKAD** : \_\_\_\_\_

**NO. ID.** : \_\_\_\_\_

**PENSYARAH** : \_\_\_\_\_

**SEKSYEN** : \_\_\_\_\_

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN SEHINGGA DIBERITAHU**

*Kertas soalan ini mengandungi 08 muka surat bercetak termasuk muka hadapan*

FEB2019/D/PBS2143

**BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN**

Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif (OMR) yang disediakan.

**1. (1 point)**

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat dari sudut istilah bahasa atau perkataan?

- A. Keinsafan
- B. Keikhlasan
- C. Perkembangan
- D. Persaudaraan

**2. (1 point)**

Berikut adalah syarat umum pengeluaran zakat, KECUALI \_\_\_\_\_

- A. Islam
- B. baligh
- C. cukup nisab
- D. sempurna haul

**3. (1 point)**

Kadar nisab zakat KWSP adalah sebanyak \_\_\_\_\_.

- A. 3.5%
- B. 2.5%
- C. 4.5%
- D. 5.5%

**4. (1 point)**

Berhalal dan babi adalah tidak sah dan tidak halal dalam kontrak. Pernyataan ini merujuk kepada syarat \_\_\_\_\_ yang termaktub dalam rukun jual beli.

- A. pembeli
- B. barang
- C. harga
- D. penjual

**5. (1 point)**

Berikut merupakan syarat bagi penjual dan pembeli KECUALI \_\_\_\_\_.

- A. berakal
- B. bankrap atau muflis
- C. baligh
- D. tanpa paksaan

**6. (1 point)**

Pilih pernyataan yang tepat mengenai rukun jual beli.

- i. Penjual atau pihak penawar
  - ii. Pembeli atau penerima
  - iii. Barang/subjek/aset (halal) yang dijual atau diaqadkan
  - iv. Ijab Qabul
- A. iii sahaja
  - B. i dan ii
  - C. i, ii, iii dan iv
  - D. iii dan iv

**7. (1 point)**

Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan butiran hutang dalam beraqad secara tidak tunai menurut al-Quran?

- A. Penghutang
- B. Pemutang
- C. Peguam
- D. Saksi

**8. (1 point)**

Bilangan saksi bagi jual beli hutang yang diperintahkan Allah s.w.t \_\_\_\_\_.

- A. 2 orang saksi lelaki
- B. 2 orang saksi perempuan
- C. seorang saksi lelaki
- D. 2 orang saksi lelaki dan seorang saksi perempuan

**9. (1 point)**

Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang menggambarkan maksud *gharar*?

- A. Pengusaha yang menjalankan urusniaga online.
- B. Peniaga yang melibatkan diri dalam jual beli barang secara online.
- C. Peniaga yang mengabaikan hak pengguna semasa berurus niaga.
- D. Peniaga yang tidak tahu status halal atau haram produk yang dijual.

**10. (1 point)**

Noah diberi tiga pilihan telefon bimbit yang berlainan harga iaitu Huawei RM 1000, Samsung RM 1200 dan Iphone RM 2500 dan dia dikehendaki memilih satu jenis sahaja telefon bimbit dengan diberi masa tidak lebih dari tiga hari.

**Jadual 1**

Berdasarkan jadual 1 di atas, manakah situasi yang dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A. Khiyar Aib
- B. Khiyar Naqdi
- C. Khiyar Ta'yin
- D. Khiyar Rukyah

**11. (1 point)**

Berapa lamakah tempoh masa khiyar bagi makanan dan sayur-sayuran menurut Imam Malik?

- A. 1 hari
- B. 3 hari
- C. 4 hari
- D. 5 hari

**12. (1 point)**

Pemilihan untuk meneruskan jual beli dinyatakan semasa majlis aqad untuk tempoh yang tertentu dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. khiyar aib
- B. khiyar naqdi
- C. khiyar ta'yin
- D. khiyar syarat

**13. (1 point)**

Yang manakah di antara berikut merupakan dua kategori aqad jual beli apabila kita melihat kepada cara penetapan isi kontrak?

- i. Aqad Amanah
  - ii. Aqad Musawamah
  - iii. Aqad Muawadah
  - iv. Aqad Tabarurat
- 
- A. i dan ii
  - B. i dan iv
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv

**14. (1 point)**

Konsep aqad perniagaan berbentuk \_\_\_\_\_ adalah merujuk kepada penjualan suatu barang pada harga yang termasuk margin keuntungan yang mana pada peringkat awal urusan tersebut ia telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang terlibat.

- A. murabahah
- B. tauliyah
- C. wadziah
- D. ishrak

**15. (1 point)**

Di antara senarai berikut, yang manakah bersesuaian dengan maksud aqad perniagaan berbentuk qard al-hasan?

- i. Aqad pinjaman perniagaan tanpa faedah
- ii. Pinjaman kebajikan yang diberikan untuk tujuan pertolongan
- iii. Pemberian hutang berbentuk tanggungjawab sosial dan kebajikan
- iv. Pemberian hutang dengan peratus keuntungan yang sangat kecil

- A. i dan ii
- B. iii dan iv
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

**16. (1 point)**

Pilih kenyataan yang berkaitan dengan jual beli yang haram tetapi sah.

- A. Jual beli yang mana di dalamnya dipersyaratkan dua syarat sekali gus
- B. Jualan barang *majhul* iaitu menjual sesuatu yang tidak boleh dilihat atau diterima
- C. Menjual sesuatu yang dibeli tetapi masih belum menerima kerana barang itu belum menjadi miliknya yang sempurna
- D. Membeli barang dengan harga yang lebih mahal daripada harga pasaran biasa sedangkan dia tidak berhajat kepada barang itu

**17. (1 point)**

Menukar satu kilo beras kemudian dibayar dengan dua kilo gandum pada keesokan harinya. Amalan seperti ini dikategorikan sebagai riba \_\_\_\_\_.

- A. *al-fadl*
- B. *al-yad*
- C. *al-qard*
- D. *al-jahiliah*

**18. (1 point)**

Situasi yang manakah merupakan amalan riba al-fadl?

- A. Pertukaran bahan ribawi sama jenis tetapi tidak sama timbangan atau sukatan.
- B. Jual beli antara barang berlainan jenis dan dibayar lebih akibat tidak berterima di majlis aqad.
- C. Jual beli bahan ribawi sama jenis tetapi melibatkan penangguhan bayaran.
- D. Bayaran lebihan dari hutang asal yang dikenakan ke atas orang yang berhutang.

**BAHAGIAN B:SOALAN STRUKTUR**

Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan yang disediakan.

1. **(2 points)**  
Senaraikan DUA (2) hikmah disyariatkan zakat.
2. **(2 points)**  
Nyatakan DUA (2) syarat *Sighah*.
3. **(2 points)**  
Huraikan DUA (2) syarat aqad dalam kontrak.
4. **(2 points)**  
Jelaskan maksud khiyar dari segi bahasa dan istilah.
5. **(2 points)**  
Senaraikan mana-mana DUA (2) bentuk perniagaan yang berdasarkan aqad tabaruat.
6. **(2 points)**  
Jika anda seorang peniaga, nyatakan DUA (2) langkah yang perlu dilakukan bagi mengelak amalan riba.

**BAHAGIAN C: ESEI**

Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan yang disediakan.

**1. (5 points)**

ITEM	NILAI
Nilai stok barang	RM 30,000
Aset semasa / tunai	RM 12,000
Simpanan perniagaan di bank / tunai	RM 15,000
Hutang (Orang yang berhutang dengan syarikat Shukri)	RM 3,000
Deposit pelaburan perniagaan	RM 6,000

Seorang usahawan bernama Shukri telah membuka sebuah kedai runcit di Melaka, sebagai seorang muslim Shukri perlu mengeluarkan zakat perniagaannya.

Berdasarkan kes di atas kirakan jumlah zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan oleh Shukri.

**2. (5 points)**

Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Isra' ayat 34 yang bermaksud:

*"Penuhilah janji kerana sesungguhnya janji itu pasti diminta tanggungjawab"*

Berdasarkan ayat al-Quran di atas,uraikan DUA (2) kaedah penamatan kontrak atau terfasakhnya sesuatu kontrak.

**3. (5 points)**

Terdapat empat jenis musyarakah yang dibincangkan oleh ulama-ulama Islam iaitu syarikat al-abdan, al-mufawadah, al-wujuh dan al-inan, termasuk yang kelima mudharabah.

Bincangkan DUA (2) daripadanya beserta contoh-contoh yang bersesuaian.

**4. (5 points)**

Bincangkan DUA (2) hikmah pengharaman riba dalam Islam.